

Kuala Lumpur: Lebih separuh daripada golongan petani di negara ini berusia lebih 60 tahun. Fakta ini sekali gus menimbulkan persoalan mengenai siapa bakal menggantikan mereka bagi menjamin kelangsungan sekuriti makanan negara.

Penyelidik Bersekutu Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS) Universiti Putra Malaysia (UPM) Profesor Datuk Dr Zulkifli Idrus berkata, pelbagai inisiatif perlu ditawarkan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian.

Katanya, aspek pertama yang perlu diberi perhatian adalah insentif ekonomi berikutan ramai graduan muda terutama dalam bidang pertanian berminat menjadi usahawantani, namun terhalang disebabkan kekurangan modal.

“Kerajaan perlu memudahkan akses skim pembiayaan mikro atau pinjaman faedah rendah tanpa cagaran selain memberikan insentif cukai kepada golongan muda yang mahu terbabat dalam pertanian,” katanya semalam.

Baru-baru ini, Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin mendedahkan lebih 50 peratus petani di Malaysia terdiri

Petani tua: Masa depan sekuriti makanan jadi tanda tanya

daripada warga emas berusia 60 tahun ke atas.

Namun Mohd Uzir dilaporkan berkata, terdapat potensi yang besar belia berkemahiran untuk meningkatkan produktiviti sektor pertanian jika diberi dorongan dan sokongan sewajarnya.

Mengulas lanjut, Zulkifli menjelaskan penyediaan kursus jangka pendek dan bimbingan juga sangat penting, bukan sahaja dari aspek teknikal tetapi turut merangkumi kewangan serta pasaran.

Beliau berkata, faktor lain yang boleh menarik minat anak muda adalah penggunaan teknologi moden dalam pertanian kerana ramai beranggapan kerja bertani terlalu membebankan dari segi fizikal.

“*Smart farming* berteknologi tinggi seperti aplikasi *Internet of Things* (IoT) dan robotik mampu menarik minat generasi muda. Namun penggunaan tekno-

logi itu perlu dibimbing serta menekankan aspek pertanian lestari dengan sokongan ejen pembangunan,” katanya.

Selain itu, Zulkifli menegaskan keperluan membina imej positif terhadap bidang pertanian kerana ramai masih mengaitkannya dengan kemiskinan.

“Persepsi ini mesti diubah. Usahawantani muda yang berjaya perlu ditonjolkan sebagai ikon dan media sosial harus digunakan untuk

mempromosi pertanian sebagai satu perniagaan yang menguntungkan,” katanya.

Katanya, ekosistem yang kondusif juga penting bagi mengurangkan kerenah birokrasi.

“Kerajaan perlu membantu penyediaan tanah, permit serta pemasaran dengan agensi berkaitan seperti FAMA lebih proaktif memainkan peranan,” katanya.

“
**Pelbagai inisiatif
perlu ditawarkan
untuk menarik
minat golongan
muda**
Zulkifli